

11/09/2002

Kepemimpinan terbuka Cuepacs dianggap bijak

KUALA TERENGGANU, Selasa - Kepimpinan yang terbuka dan mengutamakan rundingan dalam Cuepacs berjaya menghindarkan negara daripada tindakan perusahaan yang boleh menjejaskan pentadbiran kerajaan.

Ini dinyatakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam kata aluannya pada buku biografi presiden Cuepacs Datuk N Siva Subramaniam, yang berjudul `Datuk Siva Pejuang Kaum Pekerja'.

Buku itu akan dilancarkan sempena Persidangan Kesatuan Perguruan Kebangsaan (NUTP) di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata, ia juga menghindarkan masalah yang sama terhadap pembangunan sosial dan ekonomi negara.

"Dalam menangani sebarang isu, konsep musyawarah yang diamalkan Cuepacs di bawah kepimpinan Datuk Siva (Subramaniam) membuktikan bahawa setiap masalah dapat diselesaikan secara rundingan.

"Saya bangga dengan Cuepacs kerana ia berjaya menyatupadukan ahlinya melalui pelbagai program yang bertujuan membina masyarakat Malaysia yang mantap dan maju," katanya.

Buku setebal 134 muka surat karya penulis Terengganu, Awang Abdullah, akan dilancarkan Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Samsudin, sempena perasmian persidangan kesatuan itu.

Perdana Menteri berkata, membukukan riwayat hidup dan kisah perjuangan aktivis kesatuan yang banyak pengalaman dan berjasa seperti Siva adalah satu usaha bijak kerana ia dapat menjadi panduan dan rujukan kepada pemimpin kesatuan.